



AXA SmartDrive Enhanced Kenderaan Persendirian

Helaian Pendedahan Produk

Tarikh: seperti tarikh sebutharga

Nota Penting

1. Baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi SmartDrive Enhanced Kenderaan Persendirian. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.
2. Anda dinasihatkan untuk ambil perhatian jadual manfaat untuk Kematian dan Kehilangan Upaya dalam polisi insurans anda. Anda mesti menamakan penama dan memastikan bahawa penama anda sedar polisi seperti yang anda beli. Anda perlu membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan ejen atau hubungi kami secara langsung untuk maklumat lanjut.
3. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi(s), perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Dalam tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak diguna.

Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans telah dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan (atau semasa permohonan insurans ini) tidak tepat atau mempunyai berubah.

1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Polisi ini melindungi anda ke atas liabiliti anda kepada pihak ketiga terhadap kecederaan atau kematian, kerosakan harta pihak ketiga, dan kerosakan akibat kebakaran atau kemalangan terhadap kenderaan anda atau kecurian terhadap kenderaan anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat disediakan?

Polisi ini mengandungi:

A. Kerugian atau kerosakan kenderaan anda akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan.

B. Liabiliti anda atau liabiliti pemandu dibenarkan anda kepada pihak ketiga untuk:

- Kecederaan atau kematian; dan
- Kerugian atau kerosakan harta benda.

Manfaat pilihan yang anda boleh beli dengan membayar premium tambahan:

- Kerugian akibat pemecahan cermin depan/belakang, tingkap dan bumbung matahari
- Perlindungan liabiliti penumpang
- Kerosakan akibat daripada banjir, taufan, hurikan, ribut, ribut kencang, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, gelinciran tanah, penurunan atau penenggelaman tanah ataupun malapetaka alam yang lain.
- Mogok, rusuhan dan kekecohan awam
- Pampasan untuk tempoh pembaikan yang dianggarkan (CART)
- Pampasan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD) Tahun Semasa
- Aksesori kenderaan (alat multimedia, bumbung/kanopi)
- Pergecualian daripada Kos Penambahbaikan "Betterment"
- AXA SmartDrive-Sharing
- AXA SmartDrive-Sharing Daily^{New}

Manfaat pilihan yang anda mungkin ingin untuk memasukkan tanpa membayar premium tambahan:

- AXA FlexiDrive

NOTA: Adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura untuk memasuki Negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang di dalam insurans kenderaan anda.

Tempoh perlindungan adalah untuk setahun. Anda perlu membuat pembaharuan tahunan insurans.

3. Apakah AXA SmartDrive - Sharing Daily?

Insurans untuk pemandu E-hailing adalah salah satu syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pengangkutan dan akan berkuatkuasa bermula dari 12 Julai 2019 dan seterusnya.

AXA SmartDrive - Sharing Daily adalah lanjutan yang menyediakan perlindungan semua-dalam-satu bagi Anda sebagai Pemandu E-Hailing Dibenarkan, kenderaan anda dan pengguna jalan raya pihak ketiga yang lain di bawah penggunaan E-hailing. Dengan AXA SmartDrive – Sharing Daily, kenderaan anda diperluaskan untuk melindungi:

- 1) Kerugian atau Kerosakan pada kenderaan anda sendiri
- 2) Liabiliti terhadap Pihak Ketiga
- 3) Liabiliti dari segi undang-undang terhadap Penumpang yang Membayar Tambang
- 4) Perlindungan Kemalangan Peribadi akibat kemalangan Pemandu E-Hailing Dibenarkan semasa memandu Kenderaan Anda berdasarkan skala berikut:

Jadual Manfaat	
Manfaat Seorang	Had (RM)
Kematian Akibat Kemalangan	10,000
Kehilangan Upaya Kekal	10,000
Kehilangan kedua belah tangan atau kedua belah kaki	10,000
Kehilangan penglihatan kedua belah mata	10,000
Kehilangan penglihatan sebelah mata dan sebelah tangan atau Sebelah kaki	10,000
Kehilangan sebelah tangan atau sebelah kaki	5,000
Kehilangan penglihatan sebelah mata	5,000
Perbelanjaan Perubatan	500

- 5) Liabiliti Penumpang yang Membayar Tambang Di Sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai

a) Bolehkah saya teruskan memandu sebagai pemandu E-hailing jika saya hanya mempunyai insurans kenderaan persendirian?

Kementerian Pengangkutan telah mewajibkan semua kenderaan yang digunakan untuk E-hailing mesti mempunyai perlindungan tambahan E-hailing. **Oleh itu, semua pemandu E-hailing mesti membeli tambahan E-hailing, tambahan di atas insurans motor yang sedia ada untuk terus memandu dengan pengendali E-hailing berkuatkuasa mulai 12 Julai 2019.**

b) Bolehkah saya mengekalkan perlindungan dengan syarikat insurans sedia ada saya walaupun mereka tidak menawarkan E-hailing insurans sebagai tambahan?

Kami menasihatkan semua pemandu E-hailing memperbaharui insurans motor asas anda dengan AXA Affin General Insurance yang Kami kini tawarkan AXA SmartDrive - Sharing Daily sebagai tambahan E-hailing sebelum peraturan berkuatkuasa. Sila ambil perhatian bahawa insurans kenderaan persendirian dan tambahan E-hailing mestilah daripada syarikat insurans yang sama. Pemandu E-hailing yang tidak mematuhi peraturan-peraturan baru, tidak akan dapat memandu dengan pengendali masing-masing.

c) Berapa lama perlindungan AXA SmartDrive - Sharing Daily?

Perlindungan ini akan berlangsung selama 24 jam berkuatkuasa dari masa yang Anda mengesahkan pembelian anda dalam Pengendali Aplikasi E-hailing Anda.

- d) Berapakah premium tambahan yang saya perlu bayar untuk AXA SmartDrive - Sharing Daily jika saya adalah pemegang polisi SmartDrive – Kenderaan Persendirian yang sedia ada?
Sila hubungi pengendali E-Hailing anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.
- e) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan perlindungan lanjutan ini?
Anda boleh mendapatkan perlindungan lanjutan ini melalui platform aplikasi mudah alih pengendali E-hailing anda. Sila hubungi pengendali E-hailing anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.
- f) Jika saya telah melanjutkan cermin, radio/CD/sistem multimedia, mogok / rusuhan dan liputan banjir / tanah runtuh di polisi SmartDrive – Kenderaan Persendirian yang sedia ada saya, adakah saya perlu untuk melanjutkan liputan bagi perkhidmatan E-hailing bawah SmartDrive - Sharing Daily ?
Tidak, apa-apa faedah(s) yang telah dipilih dalam polisi SmartDrive – Kenderaan Persendirian akan dilanjutkan kepada perkhidmatan E-hailing secara automatik.
- g) Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai AXA SmartDrive - Sharing Daily?
Sila hubungi pengendali E-hailing anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.
- h) Adakah saya mempunyai pilihan lain selain daripada SmartDrive Sharing - Daily?
Ya, anda boleh memilih untuk membeli SmartDrive Sharing - Annual. Berikut adalah jadual perbandingan di antara SmartDrive - Sharing Annual dan perlindungan E-hailing harian.

	SmartDrive - Sharing	SmartDrive - Sharing Daily
Perlindungan	Perlindungan tambahan kepada insurans komprehensif kenderaan persendirian yang menyediakan perlindungan insurans kepada pemandu E-hailing, kenderaan dan pengguna jalan raya pihak ketiga yang lain dengan perlindungan semua-dalam-satu ketika kenderaan menggunakan E-hailing.	
Manfaat	Kerugian atau kerosakan pada Kenderaan Anda Sendiri (seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen A Polisi tersebut). Liabiliti terhadap Pihak Ketiga (seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen B Polisi tersebut). Liabiliti dari segi undang-undang terhadap Penumpang yang Membayar Tambang. Perlindungan Kemalangan Peribadi sebanyak RM10,000 yang disebabkan oleh kecederaan atau kematian akibat kemalangan Pemandu E-Hailing Dibenarkan semasa memandu Kenderaan tersebut. Liabiliti Penumpang yang Membayar Tambang Di Sisi Undang-undang kerana Perbuatan Cuai.	
Tempoh Perlindungan	Perlindungan tahunan. Perlindungan daripada endorsemen ini adalah terpakai ketika kenderaan anda adalah <i>On Call</i> untuk mana-mana pengendali servis E-hailing.	24 jam perlindungan setelah permohonan/pengaktifan oleh pemandu E-hailing melalui aplikasi mudah alih yang disediakan oleh pengendali E-hailing. Endorsemen Harian ini hanya melindungi ketika kenderaan pemandu adalah <i>On Call</i> untuk pengendali servis E-hailing bahawa pemandu telah mengesahkan perlindungan melalui aplikasi E-hailing pemandu. Satu perlindungan berasingan diperlukan bagi setiap pengendali servis E-hailing disahkan melalui aplikasi E-hailing.
Premium	Premium tahunan akan dikenakan	Premium harian tetap

4. Berapakah premium yang perlu saya bayar dengan AXA SmartDrive?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada anda dan profil risiko kenderaan anda, tanpa tuntutan diskaun (NCD), manfaat pilihan yang diperlukan dan keperluan pengunderaitan kami.

Sebagai contoh

Premium kasar bagi sebuah kenderaan persendirian yang baru dengan jumlah yang diinsuranskan RM40,000

Perlindungan komprehensif:

RM1,287.80

Diskaun Tanpa Tuntutan (25%)

RM 321.95

} Bagi jumlah sebenar, sila rujuk kepada sebut harga.

Anggaran premium kasar yang termasuk komisen ejen tetapi tidak termasuk SST dan duti setem ialah RM965.85.

* Jumlah diinsuranskan ini adalah berdasarkan kepada nilai pasaran semasa kenderaan berdasarkan rujukan kepada sistem pangkalan data penilaian kenderaan yang diluluskan oleh PIAM.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- | | |
|--|------|
| i. Komisen kepada ejen insurans (jika ada) | 10%* |
| ii. Duti Setem | RM10 |
| iii. Cukai Perkhidmatan | 6% |

* Jika anda telah melanjutkan polisi AXA SmartDrive sedia ada anda dengan AXA SmartDrive – Sharing Daily, tiada komisen dikenakan untuk premium tambahan/ lanjutan yang dibayar.

6. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang perlu saya ketahui?

- Kewajipan pendedahan – Anda mestilah mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu seperti usaha peribadi anda yang boleh menjejaskan profil risiko. Anda mesti pastikan borang cadangan diisi dengan tepat kerana ia merupakan asas kontrak insurans.
- Pembayaran Sebelum Berkuatkuasa – Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau ejen kami yang diberi kuasa mewakili kami sebelum perlindungan boleh diberikan.
- Insurans Terkurang / Terlebih – Anda perlu memastikan bahawa kenderaan anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan.
- Ekses Wajib – jika kenderaan anda dipandu oleh seseorang yang:
 - a) Di bawah umur 21 tahun atau
 - b) Pemegang lesen Sementara “L” atau
 - c) Pemegang lesen penuh untuk kurang daripada 2 tahun atau
 - d) Tidak dinamakan di dalam polisiJumlah kerugian yang perlu anda tanggung adalah RM400
- Tuntutan – Selepas peristiwa yang mungkin menjadi subjek sesuatu tuntutan di bawah polisi ini,
 - a) Sila buat laporan polis dalam tempoh 24 jam dan segera memberitahu kami secara bertulis dengan butiran penuh
 - b) Penambahbaikan akan digunakan untuk kenderaan anda yang berusia lima tahun dan ke atas
 - c) Anda mungkin tidak layak mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan semasa memperbaharui polisi anda

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Kematian atau kecederaan diri anda sendiri akibat kemalangan motor (Melainkan AXA SmartDrive - Sharing Daily Tambahan dipilih)
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang di dalam kenderaan anda (Melainkan AXA SmartDrive - Sharing Daily Tambahan dipilih)
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti yang timbul daripada bencana alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh.

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya membuat pembatalan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis dan Sijil Insurans asal anda kepada kami. Selepas pembatalan, sebarang pemulangan premium akan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak polisi.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Adalah penting badi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat selanjutnya?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan
AXA Affin General Insurance Berhad (23820-W)
Tingkat Bawah, Wisma Boustead,
71 Jalan Raja Chulan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: (603) 2170 8282
Faks: (603) 2031 7282
E-Mel: customer.service@axa.com.my
Laman Web: www.axa.com.my

Ejen yang diberi kuasa:

11. Lain-lain jenis perlindungan insurans yang disediakan:

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk jenis yang sama perlindungan yang disediakan.